

Lebih 2,000 Penduduk 'Kampung Chuchoh Puteri A' Nikmati Bekalan Air Bersih Hasil Kerjasama Zurich Takaful dan Islamic Aid Malaysia

Kelantan, 17 Ogos 2026 – Lebih 2,000 penduduk Kampung Chuchoh Puteri A kini dapat menikmati akses kepada bekalan air bersih yang lebih stabil dan berterusan menerusi Program Air Bersih untuk Komuniti, hasil pembiayaan Program Tanggungjawab Zakat Korporat (CZR) Zurich General Takaful Malaysia Berhad (Zurich Takaful) dengan kerjasama strategik Islamic Aid Malaysia (IAM).

Program ini dilaksanakan bagi membantu komuniti yang sekian lama berdepan cabaran mendapatkan bekalan air bersih yang mencukupi. Selama lebih tiga dekad, penduduk kampung bergantung sepenuhnya kepada sistem bekalan air graviti yang bersumberkan anak sungai berhampiran untuk kegunaan harian seperti memasak, minum dan mencuci. Bekalan air tersebut turut digunakan bagi membantu aktiviti pertanian, penternakan dan tanaman yang menjadi sumber pendapatan utama kebanyakan penduduk.

Namun, pertambahan bilangan penduduk dan rumah baharu menyebabkan sistem sedia ada tidak lagi mampu memenuhi permintaan semasa. Keadaan ini diburukkan lagi dengan tekanan air yang rendah, saiz kawasan tadahan yang terhad, serta keadaan paip lama yang telah uzur dan kerap mengalami kebocoran. Ketika musim kemarau, aliran air menjadi semakin perlahan dan ada kalanya tidak sampai ke kediaman penduduk, sekali gus menjejaskan kehidupan harian dan aktiviti ekonomi setempat.

Projek Air Bersih ini melibatkan penambahbaikan struktur *water intake*, penggantian paip lama yang rosak, pemasangan dua unit tangki HDPE berkapasiti 3,000 gelen, pemasangan sistem penapisan air berteknologi sintetik membran serta kerja-kerja menaik taraf sistem perpaipan hampir 5 kilometer dari sumber air ke tangki simpanan dan seterusnya ke rangkaian paip utama. Rumah pam turut dibina bagi menyalurkan air bersih yang telah dirawat untuk kegunaan harian penduduk serta untuk aktiviti pertanian.

Selain membekalkan air bersih untuk kegunaan harian penduduk, kemudahan ini turut memberi manfaat kepada masjid, pusat asuhan kanak-kanak, pusat komuniti serta beberapa buah madrasah di kampung tersebut. Bekalan air yang lebih stabil juga dijangka membantu kelangsungan aktiviti pertanian dan meningkatkan produktiviti penduduk yang bergantung kepada sektor tersebut sebagai sumber pendapatan.

Majlis Perasmian dan Penyerahan Program Air Bersih untuk Komuniti ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Wan Mohd Fadzi Che Wan Othman Fadzi, Pengerusi Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad bersama Encik Zawahir Abdullah, Presiden Islamic Aid Malaysia. Majlis tersebut turut dihadiri penduduk setempat, wakil komuniti dan kakitangan Zurich dari wilayah Pantai Timur dan Kuala Lumpur.

Mengulas mengenai pelaksanaan program tersebut, **YBhg. Dato' Wan Mohd Fadzi Che Wan Othman Fadzi, Pengerusi Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad** berkata, "Akses kepada bekalan air bersih merupakan satu keperluan asas yang memberi kesan langsung kepada kesihatan, kesejahteraan dan kehidupan. Bagi penduduk Kampung Chuchoh Puteri A, kemudahan ini bukan sahaja membantu memenuhi keperluan harian, malah membantu aktiviti pertanian dan sumber pendapatan yang menjadi tunjang kehidupan mereka.

"Sebagai penyedia perlindungan takaful, kami berbesar hati dapat menyalurkan sumbangan wakalah zakat melalui inisiatif yang memberi manfaat nyata dan berpanjangan. Kami berharap kemudahan ini dapat membantu meringankan cabaran yang dihadapi serta memperkukuh kesejahteraan penduduk di sini. Kami amat menghargai kerjasama Islamic Aid Malaysia dan penduduk setempat yang telah bersama-sama menjayakan projek ini."

Menurut **Zawahir Abdullah, Presiden Islamic Aid Malaysia**, "Sebagai sebuah badan NGO, Islamic Aid Malaysia (IAM) memainkan peranan sebagai pengantara di antara individu mahu pun golongan korporat yang berhajat untuk melaksanakan usaha-usaha kemanusiaan dalam membantu golongan yang memerlukan.

Siaran Media

17 Ogos 2026



"Kami berbesar hati kerana berpeluang bekerjasama dengan Zurich Takaful untuk melaksanakan satu projek yang amat bermakna dan berguna kepada penduduk di sini. Projek ini merupakan bukti keprihatinan Zurich Takaful untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar. Kami percaya akses kepada air bersih bukan sahaja meningkatkan kualiti hidup, malah membuka ruang kepada pembangunan yang mampan."

"Saya yakin usaha yang dilakukan oleh pihak Zurich Takaful amat memberi kesan positif dan bermakna buat penduduk kampung ini apatah lagi mereka bakal menikmati sumber air yang bersih. Projek Air Bersih Untuk Komuniti ini telah bermula sejak awal Jun yang lalu dan ia telah dapat disiapkan sepenuhnya pada hari ini. Saya amat berbangga kerana penduduk disini amat bersatu hati bergotong-royong dan mempunyai semangat kerjasama bagi menjayakan projek ini dan menyiapkannya mengikut tempoh masa yang telah di tetapkan.' Katanya.

Program ini mencerminkan komitmen berterusan Zurich Takaful dan Islamic Aid Malaysia dalam memperkasa komuniti melalui penyediaan kemudahan asas yang mampan. Dengan siapnya projek ini, lebih 2,000 penduduk Kampung Chuchoh Puteri A kini dapat menikmati bekalan air bersih yang lebih berkualiti, sekali gus menyumbang kepada peningkatan taraf kesihatan, kesejahteraan dan kualiti hidup komuniti secara keseluruhan.

Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif, produk, dan perkhidmatan Zurich Takaful, sila layari zurich.com.my

###

Nota kepada editor:

Tentang Zurich General Takaful Malaysia Berhad (ZGTMB)

Zurich General Takaful Malaysia Berhad (ZGTMB) adalah salah sebuah pengendali takaful am terkemuka di Malaysia. Ia merupakan ahli Zurich Insurance Group dan satu-satunya penyedia tunggal produk takaful am yang patuh syariah dalam kumpulan Zurich. Dengan kepakaran pasaran takaful lebih sedekad, ZGTMB menawarkan perlindungan takaful am yang meluas merangkumi motor, perjalanan, harta benda, kewangan dan peribadi, syarikat kecil hingga sederhana selain perlindungan risiko untuk industri besar. Bersama-sama kakitangan yang berdedikasi, tenaga kerja agensi, pengedar dan rakan niaga serta sokongan rangkaian cawangan di seluruh negara, ZGTMB komited untuk membantu para pelanggan memahami dan melindungi aset berharga dan perniagaan mereka daripada risiko. Untuk maklumat lanjut mengenai ZGTMB, layari www.zurich.com.my.